

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1996/97

Oktober/November 1996

**YKT 204 - Komunikasi dan Budaya**

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan **LIMA** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

*Jawab **TIGA (3)** soalan.*

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

*Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.*

1. Pin baju dan but kilang, misalnya, yang digunakan oleh ahli-ahli sesebuah budaya kecil tertentu adalah merupakan perlambangan (*signification*) yang mempunyai nilai dan kegunaannya tersendiri. Nilaikan hujah ini dengan mengambil kira konsep hegemoni yang dimajukan oleh Antonio Gramsci.  
(100 markah)
2. Pembentukan budaya nasional adalah penting dalam usaha kita mendirikan perpaduan nasional dan identiti kebangsaan. Bincangkan pernyataan ini dengan berlandaskan hujah-hujah yang diutarakan oleh Salinas dan Paldan (1979) dan Boyd-Barrett (1977).  
(100 markah)
3. Proses pemilihan dan bentuk persembahan pameran yang terlibat dalam kerja-kerja permuziuman membayangkan hubungan kuasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat berkenaan. Nilaikan dakwaan ini dengan memberi contoh tertentu.  
(100 markah)

...2/-

4. Teknologi komunikasi menjanjikan potensi kepada manusia untuk membebaskan dirinya dari belenggu kemiskinan, kejahilan, dan ancaman budaya dari luar negara. Bincangkan dengan memberi contoh tertentu.

(100 markah)

5. Sejauh manakah muzik rap dan rock dapat dieksploitasi untuk keuntungan komersil? Bincangkan dengan berpandukan perdebatan antara Leon Rosselson dan Gary Herman serta Ian Hoare (1979).

(100 markah)

-oooOooo-